

**PERSEPSI PENGGUNA TERHADAP SERAT
TANDAN SAWIT KE ARAH PEMBANGUNAN
PRODUK KRAF**

SITI ROHAYA BINTI YAHAYA

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

**PERSEPSI PENGGUNA TERHADAP SERAT
TANDAN SAWIT KE ARAH PEMBANGUNAN
PRODUK KRAF**

SITI ROHAYA BINTI YAHAYA

**TESIS DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: Siti Rohaya Binti Yahaya (No. K.P/Pasport: 771212145996)

No. Matrik: JHA 140005

Nama Ijazah: Ijazah Doktor Falsafah

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

Persepsi Pengguna Terhadap Serat Tandan Sawit Ke Arah Pembangunan Produk Kraf

Bidang Penyelidikan : Seni Visual

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon:

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi:

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

**PERSEPSI PENGGUNA TERHADAP SERAT TANDAN SAWIT KE ARAH
PEMBANGUNAN PRODUK KRAF**

ABSTRAK

Penyelidikan ini membentangkan satu konsep pembangunan material yang berasaskan Persepsi Pengguna Terhadap Serat Tandan Sawit. Objektif utama penyelidikan adalah mengukur tahap persepsi pengguna terhadap penggunaan serat tandan sawit untuk diaplikasikan dalam pembuatan produk kraf. Selain itu, konsep pembangunan material yang dibangunkan, bertujuan bagi memenuhi keperluan pendidikan material dalam bidang seni dan kraf, di peringkat pengajian tinggi tempatan. Penyelidikan ini melibatkan lima (5) pemboleh ubah, iaitu pengetahuan material, pengalaman sensori, kesedaran potensi, penerimaan estetika dan pembangunan produk kraf. Kaedah penyelidikan *Mixed Method Sequential Explanatory Design* telah digunakan dengan melibatkan dua fasa, iaitu fasa kuantitatif dan fasa kualitatif. Kedua-dua kaedah tersebut bertujuan bagi menghasilkan dapatan yang lebih jelas dan kukuh, disamping memantapkan sokongan kepada hasil dapatan dalam fasa kuantitatif. Kaedah triangulasi data, iaitu pengumpulan data melalui instrumen soal selidik, temu bual dan pemerhatian telah digunakan dalam penyelidikan ini. Responden penyelidikan pula terdiri daripada pelajar seni dan profesional dalam bidang kraf dan tekstil.

Dalam penyelidikan ini, data soal selidik yang diperolehi menerusi fasa kuantitatif telah dianalisis secara deskriptif dan inferensi melalui penggunaan perisian SPSS 24.0. Analisis deskriptif dijalankan untuk menilai tahap kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawaian. Manakala analisis inferensi pula, ujian MANOVA, Korelasi Pearson dan Regresi Berganda, digunakan untuk mengenalpasti perbezaan, hubungan dan pengaruh antara setiap pemboleh ubah. Seterusnya, fasa kualitatif pula telah melibatkan data yang diperolehi melalui penggunaan instrumen temu bual dan pemerhatian. Kedua-

dua data ini di analisis secara *manual coding*. Analisis data kualitatif bertujuan untuk menyokong statistik dan menjawab persoalan dalam dapatan kuantitatif. Triangulasi daripada ketiga-tiga dapatan mendapati lima (5) pemboleh ubah yang dibangunkan menunjukkan hubungan dan pengaruh yang kuat dan saling berkait di antara satu sama lain. Sehubungan itu, persepsi pengguna terhadap material dan kraf sawit memberi implikasi positif ke arah penambahbaikan dan pembentukan konsep pembangunan material dan kraf sawit yang mampan dan berdaya saing. Penyelidikan ini di harap dapat menyumbang ke arah mengintegrasikan penyelidikan yang melibatkan sains dan seni sebagai satu bidang yang mampu memberi peluang dan nilai tambah kepada ekonomi masyarakat dan industri kraf tempatan.

Kata Kunci: Serat, Sawit, Kraf, Persepsi, Pembangunan

ABSTRACT

This research presents a concept for material development based on consumer perceptions of oil palm bunches. The primary objective of this research is to measure the extent of consumers' perceptions towards the use of oil palm fibers that can be applied in manufacturing craft products. Other than that, this research aims at establishing a concept of material development that can meet the needs of material education in the arts and crafts field. This research also identifies and analyzes the relationship between five (5) developed variables, namely material knowledge, sensory experience, potential awareness, aesthetic acceptance and craft product development. The mixed method, sequential explanatory design has been used by involving two phases, namely quantitative phase and qualitative phase. This method is aimed at producing clearer and stronger findings, as well as strengthening support for results from quantitative phases. Data triangulation method, collecting data from three instruments that is questionnaire, interviews and observation used in research. Respondents of this research are composed of art students and professionals in the field of crafts and textiles.

In the quantitative phase, the data obtained from the questionnaire were analyzed descriptively and inferred by using SPSS 24.0 software. Descriptive analysis is conducted using frequency, percentage, mean and standard deviation. While the inference analysis, MANOVA Test, Pearson Correlation and Multiple Regression have been used to identify differences, relationships and influence among each variable. Furthermore, the qualitative phase obtained from interviews and observations was analyzed using manual coding. Qualitative data analysis aims to support statistics and answer questions in quantitative findings. The findings from all the analyzed data found that the five (5) variables developed showed strong and interlinked relationships

between each variable. Consequently, consumer perceptions of oil palm material and craft positively implicated the improvement and development of sustainable and competitive palm material and craft concepts. This research is expected to contribute towards integrating research between science and the arts. These areas are capable of providing opportunities and added value to the improvement of the community's economy with the advancement of the local craft industry.

Keywords: Fibers, Oil Palm, Crafts, Perceptions, Development

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Syukur alhamdulillah kehadrat Allah Subhannallah Taala yang memberi limpah kurnia dengan izinNya, penyelidikan ini akhirnya terlaksana. Penghargaan tidak terhingga kepada Universiti Sains Malaysia (USM) yang telah menganugerahkan Hadiah Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) ini. Jutaan terima kasih ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Sabzali Musa Kahn, selaku penyelia yang banyak membantu memberi bimbingan dan panduan sepanjang penyelidikan ini. Terima kasih buat barisan akademia, Prof Dr Norwani Md Nawawi, Dr Muhamad Khizal Mohd Saat, En. Badrul Hisham Shaharin, Pn Nani Hartina Ahmad dan Pn Azlina Mohamed. Setinggi-tinggi penghormatan buat Hjh Rahmah bte Hj Awang, adiguru kraftangan Melaka, En Ishak bin Kassim dan pakar, Pn Dyg Marinawati Abg Mohd Redzuan, atas kerjasama, bantuan, kemahiran dan idea-idea yang bernas berhubung seni kraf di Malaysia. Sekalung penghargaan juga kepada pegawai, kakitangan dan pelajar-pelajar Politeknik Premier Ibrahim Sultan, Johor Bahru, Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, Kedah, Universiti Teknologi Mara kampus Shah Alam, Universiti Teknologi Mara, cawangan Seri Iskandar, Ipoh, dan Machang, Kelantan, dan Kraftangan Malaysia di atas keizinan dan kerjasama yang baik sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Buat insan yang melahirkan, membesar dan mencurahkan sepenuh kasih sayang, Hjh Rohani Bt Kamarudin dan Hj Yahaya Bin Mahadi, sungguh perjalanan PhD anakmu ini penuh dengan air mata, penuh dengan cerita duka. Namun mak dan abah insan yang tidak pernah sekalipun berganjak dari terus menjadi penasihat dan penguat semangat untuk anakmu melangkah ke hadapan. Buat insan bernama suami, Chairill Anuar bin Abdul Ghani, sesungguhnya ALLAH menguji hambanya, menguji setiap dari kita untuk lebih bersyukur dan lebih menghargai. Terima kasih kerana tetap teguh berdiri meskipun dilambung ombak setinggi gunung, tetap bersabar dan bersyukur dengan dugaan yang tidak pernah surut. Untuk anak-anak ummi yang tersayang, Emir Ar Rahman dan Sufi Maryam, ummi bertuah dikurniakan anak-anak syurga yang sentiasa mengenggam, memeluk dan menyapu air mata ummi di saat ummi hampir jatuh dan berputus asa. Doaku semoga Allah SWT senantiasa mengasihi, melindungi dan merahmati semua insan yang disayangi ini di dunia dan akhirat. *Walhamduli-ALLAH-Rabb al ‘alamain.*